

PENGHARGAAN

Saya amat berterima kasih kepada orang perseorangan dan pihak-pihak tertentu yang banyak membantu dalam proses menyiapkan tesis ini. Menyedari akan hakikat ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih yang teramat sangat kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Joseph M. Fernando yang tidak pernah jemu membimbing saya dari peringkat Ijazah Sarjana hingga ke peringkat Doktor Falsafah. Selaku penyelia yang bertanggungjawab, beliau sudi meluangkan masa untuk menyelia kajian saya dari mula sehingga ia disiapkan. Tunjuk ajar dan bimbingan beliau terutamanya berkenaan kaedah penulisan dan penyelidikan tesis yang sistematik amat besar maknanya kepada saya dalam memantapkan penulisan kajian. Ketelitian dan kesabaran semasa menyelia dan menyemak draf kajian amat saya hargai dan menjadi faktor pemangkin kepada saya dalam menyempurnakan tesis ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Universiti Malaya dan Kementerian Pengajian Tinggi yang amat berbesar hati menawarkan Fellowship di bawah Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) sepanjang pengajian ini. Dirakamkan juga penghargaan kepada Institut Pengurusan dan Pemantauan Penyelidikan (IPPP) yang telah bermurah hati memberikan bantuan geran penyelidikan yang memberi peluang kepada saya untuk menjejaki bahan bagi melengkapi sumber yang sedia ada bukan sahaja dalam Malaysia malah di Singapura dan National Archives of Britain di Kew, England. Ucapan penghargaan yang tidak terhingga juga turut ditujukan kepada Asia Research Institute (ARI) kerana menawarkan Fellowship di bawah skim Asian Graduate Student Fellowship yang membolehkan kajian dilakukan di National Archives of Singapore, Institute of

Southeast Asian Studies (ISEAS) dan Perpustakaan National University of Singapore (NUS). Tanpa bantuan ketiga-tiga pihak ini, sememangnya adalah sukar dalam menyempurnakan tesis ini.

Dirakamkan juga penghargaan kepada Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Zaba, Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, ibu pejabat MIC dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia. Penghargaan yang khusus dan tidak terhingga juga ditujukan kepada Prof. Madya Dr. S. Kumaran dan Prof. Madya Dr. M. Krishanan dari Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya. Segala dorongan, sokongan dan jasa baik mereka berdua tidak akan saya lupakan.

Akhir sekali, melebihi segala ucapan di atas saya ingin dedikasikan tesis ini buat keluarga tercinta terutamanya kepada suami yang dikasihi, S. Shainth, ibu yang disayangi, M. Prema dan bapa yang dihormati, S. Rajagopal yang selalu mendoakan kebahagiaan dan kegembiraan saya. Sekian terima kasih.

Shanthiah Rajagopal

Jabatan Sejarah

Universiti Malaya

2015